



**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**KENYATAAN MEDIA**

**RMKe-12 AKAN DIBENTANG DI DEWAN RAKYAT DALAM SESI MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14**

Kerajaan akan membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 di Dewan Rakyat dalam sesi Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas yang dijadualkan pada Mac 2021.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM) kini dalam proses memuktamadkan dokumen RMKe-12. Semua strategi dan inisiatif RMKe-12 dijajar dengan Wawasan Kemakmuran Besama (WKB) 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Sesi libat urus secara meluas telah diadakan dalam tempoh 18 bulan lalu bagi memastikan “tiada sesiapa yang tertinggal” dalam penggubalan dan pelaksanaan pelan pembangunan negara ini.

Maklum balas dan pandangan dari pelbagai pihak berkepentingan telah diambil kira termasuk sektor awam dan swasta, pakar industri, akademik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan, organisasi antarabangsa, Jemaah Menteri, ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, serta masyarakat umum melalui pelbagai saluran termasuk libat urus dalam talian.

RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha memantapkan ekonomi negara dan memastikan kehidupan yang wajar untuk rakyat, selaras dengan prinsip “Prihatin”, Kerajaan Perikatan Nasional.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**  
**23 Disember 2020**